

Sultan Mizan Agong ke-13

Oleh HASSAN MOHD NOOR

SISTEM raja berperlembagaan yang unik di dunia diteruskan di negara ini apabila Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin, dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-13. Pemilihan baginda untuk tempoh lima tahun berkuat kuasa pada 13 Disember ini.

Pelantikan tersebut adalah mengikut sistem giliran bagi pusingan kedua di kalangan sembilan raja Melayu. Sultan Mizan akan menggantikan Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail yang akan tamat tempoh perkhidmatan pada 13 Disember ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam satu kenyataan mengumumkan, pemilihan Sultan Mizan dibuat pada mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-208 di Istana Negara, Jumaat lalu.

Mesyuarat juga sebulat suara memilih Sultan Kedah Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagai Almarhum Sultan Badlishah sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Pemilihan Sultan Kedah ini adalah bagi kali kedua selepas kali pertama pada 21 September 1965 sebelum dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong kelima pada 1970.

Dengan pelantikan ini, baginda yang merupakan antara raja Melayu yang termuda bakal menjadi Yang di-Pertuan Agong pada usia yang muda berbanding sebelum ini

Pelantikan Sultan Mizan juga adalah mengikut giliran keempat bagi pusingan kedua sistem giliran di kalangan sembilan negeri yang mempunyai raja Melayu.

Pusingan pertama bagi raja-raja Melayu sebagai Yang di-Pertuan Agong bermula di Negeri Sembilan pada 1957 dan berakhir di Perak pada tahun 1994.

Tuanku Abdul Rahman dari Negeri Sembilan yang gambarnya diabadikan pada wang kertas Malaysia adalah Yang di-Pertuan Agong pertama dari 1957 hingga baginda mangkat semasa menyandang jawatan itu pada tahun 1960.

Pusingan kedua sistem penggiliran ini bermula selepas Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-10 pada 1994.

Dan pemilihan Sultan Mizan memperlihatkan sistem giliran diteruskan tanpa

sebarang masalah.

Baginda diputerakan pada 22 Januari 1962 di Istana Al-Muktafi, Kuala Terengganu.

Dengan pelantikan ini, baginda yang merupakan antara raja Melayu yang termuda bakal menjadi Yang di-Pertuan Agong pada usia yang muda berbanding sebelum ini.

Sultan Mizan, 44 dilantik sebagai Raja Muda Terengganu pada usia 19 tahun pada 1981 dan dimasyhurkan sebagai Sultan Terengganu ke-16 pada usia 36 tahun pada 15 Mei 1998 berikutan kemangkatan ayahandanya Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah pada 14 Mei 1998 dengan menggunakan gelaran Al-Wathiqui Billah.

Baginda mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Sultan Sulaiman 1 dan Sekolah Menengah Sultan Sulaiman di

Kuala Terengganu. Baginda kemudian berangkat ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran di Geelong Grammar School di Melbourne, Australia.

Baginda lulus ijazah sarjana dalam bidang hubungan antarabangsa dari US International University-Europe di London pada 1988.

Baginda juga mengikuti kursus tentera di Army School of Languages mulai 2 November 1982 hingga Mei 1983 seterusnya di Royal Military Academy, Sandhurst, England mulai 3 Mei 1983 dan berjaya menamatkan kursus pegawai kadet pada 9 Disember tahun yang sama.

Bagi meningkatkan kemahiran dalam pentadbiran kerajaan negeri, Sultan Mizan pernah berkhidmat sebagai kakitangan awam. Antara jawatan yang pernah disandang ialah Penolong Pemungut Hasil Tanah, Pegawai Tadbir Negeri di Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu, dan Penolong Pegawai Daerah di Pejabat Tanah Daerah Kuala Terengganu.

Baginda pertama kali dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 26 April 1999 untuk tempoh lima tahun dan dilantik kali kedua pada 12 Disember 2001 untuk tempoh yang sama berikutan pe-

lantikan Tuanku Syed Sirajuddin sebagai Yang di-Pertuan Agong setelah kemangkatan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 21 November 2001 semasa memegangi takhta pemerintahan negara.

Sultan Mizan, memangku tugas Yang di-Pertuan Agong pada 8 Oktober 2001 ketika Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, gering.

Baginda juga pernah menjadi Presiden Majlis Islam dan Kebudayaan Melayu Terengganu dari 1 Jun 1991 hingga Disember 1995.

Sultan Mizan juga terlibat dalam bidang ketenteraan berpangkat Kolonel Yang Dipertua Kor Armor Diraja, dan pernah menyertai latihan di Royal Military Academy, Sandhurst, England, pada tahun 1983.

Dalam bidang sukan, Sultan Mizan turut aktif dalam sukan kuda lasak dan terlibat dalam pertandingan di dalam dan luar negara. Selain sukan berkuda, Sultan Mizan juga aktif dalam pelbagai aktiviti sukan lain termasuk polo, bola sepak, golf, selam skuba dan tenis.

Baginda mendirikan rumah tangga dengan Permaisuri Raja Nur Zahirah pada 28 Mac 1996 dan dikurniakan dua orang putera dan dua puteri.

um - 5/11/2006